

18 JUL 1996

Mahathir-Kazakhstan

LANDASAN KERETAPI TRANS-ASIA BOLEH DIHUBUNGI DENGAN ASIA TENGAH

Oleh: Rachman Norodin

ALMATY (KAZAKHSTAN), 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata landasan keretapi Trans-Asia yang menghubungkan Asia Tenggara dengan China boleh disambungkan ke Kazakhstan kerana negara itu dapat mengadakan hubungan keretapi dan jalan yang penting antara Asia Timur, Rusia dan Eropah.

Beliau berkata adalah menjadi satu langkah yang lojik untuk akhirnya menghubungkan sistem ini yang bermula dari Singapura ke Kunming di China dengan sistem keretapi Asia Tengah yang melalui Kazakhstan.

"Sesungguhnya Kazakhstan berada di satu kedudukan yang strategik dalam Euro-Asia antara China, jiran berharga yang dalam proses menjadi kuasa ekonomi yang penting, dan Persekutuan Rusia di utara, dan di baratnya pula ialah Benua Eropah," kata beliau pada majlis makan malam yang diberikan presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev di sini malam ini.

Dr Mahathir berada di negara republik ini dalam lawatan rasmi tiga hari selepas melawat Republik Kyrgyz yang berdekatan juga selama tiga hari.

Beliau diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, lima menteri Kabinet, tiga menteri besar dan seorang ketua menteri.

Juga turut serta dalam rombongan Dr Mahathir itu ialah delegasi perniagaan Malaysia seramai 81 orang yang diketuai pengerusi dan ketua eksekutif Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajuddin Ramli.

Dr Mahathir berkata oleh kerana perdagangan melibatkan pengangkutan manusia dan barang-barang, Malaysia nampak Kazakhstan dapat memainkan peranan sebagai pusat hubungan jalan dan keretapi yang penting antara Asia Timur, Rusia dan Eropah.

Perdana Menteri berkata hubungan keretapi melalui Kazakhstan akan dapat memberi kemudahan laluan ke laut kepada negara-negara Asia Tengah yang tidak mempunyai pantai.

"Mereka telah pun mendapat laluan ke Teluk Persia melalui sistem keretapi Iran-Turkmenistan yang baru siap," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara berdagang, Malaysia perlu menggalakkan kerjasama perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara lain.

Kata beliau Kazakhstan dan negara-negara Asia Tengah yang lain menawarkan kemungkinan yang baik untuk perdagangan "yang sudah tentu menjadi dua hala".

Dr Mahathir berkata beliau percaya penuh tentang perlunya Malaysia dan Kazakhstan memberi pengisian yang lebih kepada kerjasama mereka untuk membuka potensi dan peluang-peluang yang ada di kedua-dua negara.

Sektor swasta di kedua-dua negara perlu digalakkan memulakannya dan menjadi perangsang kepada hubungan ekonomi dan perdagangan secara lansung, kata beliau.

"Untuk sebab inilah rombongan saya diikuti serta oleh ramai tokoh perniagaan Malaysia. Lawatan ini akan dapat memberi peluang kepada mereka mengenal negara ini dengan lebih lagi dan potensi perniagaan dan juga membuat hubungan dengan rakan mereka di sini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau yakin dengan komitmen bersama yang teguh ke arah meningkatkan kerjasama dua hala, aliran perdagangan yang lebih lagi, pelaburan dan pelancongan antara kedua-dua negara akan dapat menjadi kenyataan.

Beliau juga bercakap mengenai persamaan dasar Malaysia dan Kazakhstan mengenai perlunya mengadakan hubungan yang erat dan terikat dengan negara-negara jiran terdekat.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara juga berkongsi pendapat yang

"keserantauan adalah gelombang masa depan".

Kata beliau: "Kami dapati daripada pengalaman kami bahawa rundingan dan kerjasama yang rapat secara serantau dalam jangka masa tertentu telah menyumbang kepada keyakinan bersama dan tabiat kerjasama yang bukan sahaja membantu mewujudkan persekitaran yang aman dan stabil tetapi juga kepada pembangunan yang pesat."

Kata beliau Malaysia memuji peranan Kazakhstan dalam usaha mewujudkan persekitaran sedemikian di rantau Asia Tengah.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia telah mendapati, sementara model pembangunan yang lain menarik, selalunya mereka perlu diubahsuai untuk keperluannya.

Beliau mengulangi bahawa Malaysia, dalam berkongsi pengalamannya dalam pembangunan ekonomi, akan sentiasa sensitif dengan usaha-usaha pembangunan negara Kazakhstan.

"Memang benar kami juga bersedia untuk bertukar-tukar maklumat mengenai pengalaman politik kami," kata beliau sambil menambah kata yang kedua-dua negara boleh belajar berkongsi pengalaman dan pertukaran kebolehan teknikal dan teknologi untuk faedah bersama.

-- BERNAMA

RN WAT AHH